


Gnetum di Kenong

Famili : Gnetaceae
Genus : *Gnetum*
Species : *Gnetum microcarpum* Blume



Gnetum gnemon merupakan satu-satunya spesies pokok yang dikenali dari genus dalam kumpulan gymnosperm iaitu *Gnetum* disamping lima jenis tumbuhan pepanjat yang lain. Walau bagaimanapun, sewaktu Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Rimba Kenong, satu spesies pepanjat berbuah besar telah dijumpai dan dinamakan *Gnetum microcarpum* Blume. kerana diyakini merupakan satu penemuan baru bagi Semenanjung Malaysia.

Spesies ini direkodkan sebagai yang keenam bagi tumbuhan pepanjat daripada genus *Gnetum*. Tumbuhan pepanjat ini mudah dijumpai di kawasan hutan hujan tropika kerana ianya membentuk satu rangkaian penting kepada komponen-komponen hutan. Kebanyakan spesies tumbuhan pepanjat membekalkan nutrien makanan dan memberi sokongan ekologi kepada haiwan, terutamanya haiwan primat, burung dan serangga. Di samping itu, terdapat juga tumbuhan pepanjat yang menjadi perumah kepada tumbuhan parasit seperti *Rafflesia* dan *Rhizanthus*.